

ZYLORIC TABLET

Allopurinol (100mg, 300mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Zyloric
2. Bagaimana Zyloric berfungsi
3. Sebelum menggunakan Zyloric
4. Cara menggunakan Zyloric
5. Semasa menggunakan Zyloric
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Zyloric
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Zyloric

Zyloric digunakan untuk merawat keadaan berikut:

- paras asid urik yang tinggi dalam darah (hiperuricemia) yang berkaitan dengan gout atau semasa anda menjalani rawatan untuk kanser.
- Pembentukan batu buah pinggang atau masalah buah pinggang yang berlainan

Bagaimana Zyloric berfungsi

Zyloric mengandungi allopurinol sebagai bahan aktif. Allopurinol berfungsi dengan menurunkan bilangan asid urik dalam badan. Tanya doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang soalan tentang sebab Zyloric dipreskripsikan kepada anda. Doktor anda mungkin mempreskripsikan Zyloric untuk tujuan lain.

Sebelum menggunakan Zyloric

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan menggunakan ubat ini jika anda alah terhadap
- Allopurinol
 - sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini
 - kepekatan serum urat meningkat tanpa tanda-tanda pendedahan asid urik

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput pada pek ini atau jika bungkusannya terkoyak atau terdapat tanda pek dibuka. Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan. Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula menggunakan ubat ini, sila tanya doktor anda.

- Sebelum menggunakan Zyloric

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat lain, makanan, pengawet atau pewarna. Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mengalami sebarang keadaan seperti yang berikut:

- Penyakit buah pinggang
- Penyakit hati
- Masalah jantung atau tekanan darah tinggi dan anda sedang mengambil diuretik dan / atau ubat yang dipanggil ACE-inhibitor
- Ruam kulit yang serius (*Stevens-Johnson syndrome (SJS)*, *toxic epidermal necrolysis (TEN)*, sindrom hipersensitiviti yang dipanggil *Drug Rash with Eosinophilia and Systemic Symptoms (DRESS)*)
- Tak toleransi gula
- Serangan gout akut
- Kanser
- Sesetengah gangguan enzim

Beritahu doktor anda jika anda hamil, bercadang untuk hamil atau sedang menyusukan bayi. Doktor anda akan berbincang dengan anda tentang risiko dan manfaat ubat ini.

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana perkara di atas, beritahunya sebelum anda mula mengambil Zyloric.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan Zyloric boleh bertindak balas antara satu sama lain. Ini termasuk:

- ubat yang digunakan untuk kemoterapi (contohnya 6-mercaptopurine, azathioprine dan Cyclophosphamide)
- vidarabine yang digunakan untuk merawat cacar air
- ubat yang digunakan untuk mengurangkan tahap asid urik (contohnya Probenecid)
- aspirin
- ubat yang digunakan untuk merawat kencing manis (contohnya Chlorpropamide)
- ubat yang digunakan untuk mengurangi pembekuan darah dalam badan (Anticoagulants, contohnya Warfarin)
- ubat yang digunakan untuk merawat sawan (epilepsi) (contohnya Phenytoin)
- theophylline yang digunakan untuk masalah pernafasan
- ubat yang digunakan untuk merawat jangkitan bakteria (antibiotik, contohnya Ampicillin dan Amoxicillin)
- cyclosporine adalah ubat yang digunakan untuk menekan sistem imun selepas menjalani pemindahan organ
- didanosine yang digunakan untuk merawat jangkitan HIV

Ubat ini mungkin dipengaruhi oleh Zyloric atau mungkin menjejaskan fungsinya. Anda mungkin perlu mengambil ubat anda dalam jumlah yang berlainan atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang berlainan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda mengambil sebarang ubat ini, periksa dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat lain yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa anda mengambil Zyloric.

Cara menggunakan Zyloric

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada informasi yang terkandung dalam risalah ini. Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Dos permulaan untuk orang dewasa ialah 100mg setiap hari. Jadual dos berikut dicadangkan:

- 100 hingga 200mg setiap hari untuk keadaan yang ringan
- 300 hingga 600mg setiap hari untuk keadaan yang sederhana teruk
- 700 hingga 900mg setiap hari untuk keadaan yang teruk

Kanak-kanak berumur di bawah 15 tahun mengambil 10 – 20 mg/kg berat badan setiap hari sehingga maksimum 400mg setiap hari.

Dos yang lebih rendah digunakan untuk orang tua atau jika anda mempunyai masalah buah pinggan atau masalah hati.

- Bila perlu digunakan

Ambil Zyloric selepas makan.

- Berapa lama perlu digunakan

Ambil Zyloric secara berterusan seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan yang tidak diingini.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil Zyloric, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital yang terdekat dengan segera. Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan sindrom termasuk rasa loya, muntah-muntah, cirit-birit dan pening. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan Zyloric

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Zyloric. Berhenti mengambil Zyloric dengan serta-merta dan periksa dengan doktor anda jika terdapat ruam kulit atau reaksi alahan yang lain.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Zyloric.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat anda atau mengurangkan dos tanpa berbincang dengan doktor anda. Jangan mengambil Zyloric untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarahkan oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Zyloric boleh membuat sesetengah orang berasa mengantuk, pening atau mempunyai masalah dengan penyaliran, jangan memandu atau mengendalikan mesin jika anda terjejas.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Kesan sampingan yang paling biasa ialah ruam kulit yang serius. Berhenti mengambil allopurinol dan hubungi doktor anda dengan segera, jika anda mengalami kesan sampingan seperti berikut:

- kanser dalam sistem limfa yang menyebabkan sel darah putih berkembang pesat
- tindakbalas alahan: ruam kulit yang gatal atau bersisik, lebam atau mengelupas pada kulit, demam, bengkak kelenjar limfa, sakit sendi, perubahan dalam komposisi darah
- Berkaitan dengan keradangan saluran darah dan tisu: pembesaran kedua-dua hati dan limpa, keradangan hati (hepatitis), kegagalan buah pinggang, sawan.

Jika anda mempunyai masalah buah pinggang dan/atau hati, risiko untuk anda mendapat kesan sampingan adalah lebih tinggi, seperti:

- kekurangan jumlah sel-sel darah putih
- kekurangan darah dan menyebabkan kegagalan pada perkembangan sumsum tulang
- kekurangan jumlah platelet

Kesan-kesan sampingan berikut mungkin berlaku dengan ubat ini:

- bisul, kencing manis, kandungan lemak yang tinggi dalam darah
- depresi, koma, kelumpuhan, gangguan saraf termasuk kurangnya kawalan otot, rasa tercucuk jarum, mengatuk, sakit kepala, gangguan rasa
- katarak, kecacatan penglihatan
- pening, sakit dada, denyutan jantung lambat, tekanan darah tinggi
- muntah, loya, muntah darah, cirit yang berlemak dan busuk, mulut bengkak, perubahan kebiasaan buang air besar
- ujian fungsi hati yang luar biasa
- bengkak pada lapisan subdermal kulit
- rambut gugur, perubahan warna rambut
- darah dalam urin, tahap urea yang tinggi dalam darah
- kemandulan pada lelaki, kesulitan mempertahankan ereksi, pembesaran payudara pada lelaki
- retensi air, rasa sakit atau sakit, keletihan.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan mengenai kesan mengambil ubat ini.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku pada sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems/ Side Effects/ AEFI/ Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Zyloric

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknyanya sehingga tiba masa untuk mengambilnya. Jika anda mengeluarkan ubat daripada peknyanya, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik. Simpan dibawah suhu 30°C. Jangan simpan Zyloric atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki. Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

- Pelupusan

Jika doktor atau ahli farmasi anda mengarahkan anda berhenti mengambil Zyloric atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Zyloric Tablet 100mg:
Pil berbentuk bulat, berwarna putih, cembung, bergores dan bertanda Z1 pada satu permukaan.

Zyloric Tablet 300mg:
Pil berbentuk bulat, berwarna putih, cembung, bergores dan bertanda Z3 pada satu permukaan.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- Allopurinol

Bahan tidak aktif:

- Povidone
- Maize starch
- Lactose monohydrate
- Magnesium stearate

- Nombor MAL

Zyloric Tablet 100mg:

MAL19973571AZ

Zyloric Tablet 300mg:

MAL19972499AZ

Pengilang

Aspen Port Elizabeth (Pty) Ltd
Corner of Fairclough and
Gibaud Road Korsten 6020,
Port Elizabeth, Republic of
South Africa.

Pemegang Pendaftaran Produk

Aspen Medical Products

Malaysia Sdn Bhd

(1004761-W)

Unit 1302A, Level 13A,
Uptown 1, 1 Jalan SS21/58,
Damansara Uptown, 47400
Petaling Jaya, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

28/07/2017

Nombor Siri

BPFK(R4/1)09052017/00097